

03 JAN 2001

Abdullah-Melayu

PERTEMUAN SATUKAN ORANG MELAYU PERLU LIBATKAN PRESIDEN PARTI

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Pengurusan Umno hari ini memutuskan untuk mencadangkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pertemuan penyatuan orang Melayu diadakan antara presiden-presiden Umno, Pas dan Parti Keadilan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Timbalan Presiden Umno mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu yang mencadangkan supaya Dr Mahathir selaku Presiden Umno bertemu dengan Presiden Pas Datuk Fadzil Noor dan Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail.

"Terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin parti utama Melayu itu menentukan sama ada pertemuan itu boleh disertai perwakilan daripada parti masing-masing," kata Abdullah.

Beliau berkata cadangan itu merupakan antara beberapa keputusan yang dicapai pada mesyuarat dua jam itu yang akan disampaikan kepada Perdana Menteri sekembalinya beliau dari lawatan ke Myanmar.

Dr Mahathir berlepas ke Myanmar pagi ini untuk lawatan kerja dua hari.

"Bila Perdana Menteri dah setuju, cadangan kita ialah supaya setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob menghubungi setiausaha agung parti-parti berkenaan bagi menerangkan kepada mereka format, tempat dan masa pertemuan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu.

Kepada satu soalan, Abdullah berkata, jawatankuasa itu memikirkan tidak perlu ada orang tengah dalam pertemuan itu.

"Lebih baik bagi pemimpin-pemimpin berkenaan bersemuka dan bercakap dari hati ke hati...tak payah ada orang tengah," katanya.

Abdullah berkata terpulanglah kepada pemimpin-pemimpin berkenaan untuk menyampaikan segala cadangan atau keputusan dalam pertemuan itu kepada peringkat bawahan parti masing-masing.

Beliau juga berkata, Umno tidak meletakkan sebarang syarat bagi membolehkan pertemuan itu diadakan.

Mengulas dakwaan sesetengah pihak kononnya pertemuan itu membuang masa dan hanya menguntungkan Umno, Abdullah berkata pertemuan itu sebenarnya akan menguntungkan orang Melayu yang menjadi asas pula kepada perpaduan nasional.

"Kita tak nampak perpaduan nasional wujud jika orang Melayu berada dalam keadaan pecah belah," katanya.

Pada dasarnya pemimpin Umno, Pas dan Keadilan telah bersetuju supaya diadakan pertemuan penyatuan Melayu itu bagi mengembalikan perpaduan kalangan orang Melayu di negara ini.

Abdullah juga berkata jawatankuasa pengurusan akan mencadangkan supaya bekas Menteri Luar Tengku Ahmad Rithauddeen menjadi pengerusi Lembaga Disiplin Umno yang ditubuhkan hasil pindaan perlembagaan Umno pada November tahun lepas.

Katanya, jawatankuasa juga telah mengenal pasti tujuh orang lain untuk menganggotai lembaga itu tetapi beliau tidak menyatakan nama-nama mereka.

"Kita akan cadangkan kepada Majlis Tertinggi supaya keanggotaan lembaga disiplin ini tidak terhad kepada lapan orang sahaja, biarlah lebih dari itu," kata Abdullah.

Menurutnya, nama-nama yang dicadangkan itu tidak memegang jawatan penting dalam Umno.

"Sesuaiilah mereka menjadi ahli lembaga disiplin. Mereka ini orang lama, yang faham tentang karenah politik dan mahir tentang perlembagaan Umno.

Saya percaya mereka akan dapat menjalankan tanggungjawab dengan baik," katanya.

Abdullah berkata surat pelantikan akan dihantar selepas MT membuat keputusan pada mesyuaratnya yang akan diadakan pada 12 Jan ini.

Menyentuh satu lagi perkara, beliau berkata, anggota-anggota parti boleh membuat bayaran yuran keanggotaan sehingga 31 Jan kerana ada rungutan mereka tidak sempat membayar penghujung tahun lepas.

-- BERNAMA

NZ MAM AR AHH MAI